

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN NO. 443**

**DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dihabiskan bulan ke bulan untuk stok ubat di semua hospital dan klinik Kerajaan untuk tahun 2019 dan adakah kosnya lebih rendah atau lebih tinggi berbanding tahun 2018.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Secara keseluruhan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan RM2.324 billion untuk perolehan ubat-ubatan termasuk vaksin pada tahun 2018. Sehingga Jun 2019, sebanyak RM2.215 billion peruntukan ubat-ubatan termasuk vaksin telah diagihkan kepada semua hospital dan klinik kesihatan KKM. Jumlah ini merangkumi 95.3% daripada perbelanjaan ubat-ubatan yang telah dibuat pada tahun 2018.

Keperluan sebenar ubat-ubatan di fasiliti KKM mungkin berubah dari masa ke masa bergantung kepada kedatangan pesakit, rawatan pesakit terkini, kos perolehan ubat semasa dan sebagainya. Oleh itu, KKM akan memantau secara berterusan kedudukan peruntukan dan stok semasa di semua fasiliti bagi memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi untuk pesakit.

KKM akan mengemukakan permohonan peruntukan tambahan sekiranya peruntukan sedia ada dan tambahan yang diterima masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan semasa fasiliti. Pada masa yang sama, KKM juga komited untuk meneruskan perbelanjaan secara berhemah dan optimum mengikut peruntukan yang diberikan dengan memastikan perbelanjaan kerajaan ditadbir urus dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**SOALAN NO. 443**

**Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi menampung kehilangan sumber pendapatan akibat penghapusan GST dan tidak terlalu bergantung kepada Petronas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2019, hasil Kerajaan Persekutuan dianggar sebanyak RM261.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil bukan petroleum berjumlah RM180.4 bilion atau 68.9% daripada jumlah keseluruhan hasil, manakala hasil berkaitan petroleum yang merangkumi cukai pendapatan petroleum, duti eksport, royalti petroleum dan dividen PETRONAS yang berjumlah RM81.4 bilion atau 31.1%. Hasil petroleum merangkumi bayaran *one-off* oleh Petronas sebanyak RM30 bilion untuk bayaran balik GST yang tertunggak lebih daripada setahun di bawah pentadbiran lama. Daripada jumlah RM81.4 bilion tersebut, dividen khas daripada PETRONAS adalah berjumlah RM30 bilion. Tanpa mengambil kira dividen khas Petronas, peratusan hasil berkaitan petroleum adalah dalam sekitar 22%, iaitu lebih rendah berbanding tahun 2009 sebanyak 41.3%. Ini bermakna kurang bergantung kepada hasil berkaitan petroleum berbanding.

Dalam usaha meningkatkan sumber hasil, Kerajaan sedang melaksanakan reformasi cukai bagi memastikan aliran hasil yang mapan dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan komoditi. Objektif reformasi cukai tersebut adalah untuk meningkatkan peratusan hasil kepada KDNK, mengurangkan jurang cukai dan memaksimumkan kutipan hasil. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC) bagi melaksanakan reformasi struktur cukai dan menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baharu. Dalam Belanjawan 2019, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah bagi meningkatkan hasil seperti *Special Voluntary Disclosure Program (SVDP)*, cukai ke atas minuman bergula dan levi pelepasan. Selain itu, Kerajaan juga akan melaksanakan inisiatif memanfaatkan aset yang meliputi langkah mengurangkan pegangan dalam syarikat bukan strategik serta menambah baik kaedah penjualan aset Kerajaan khususnya melalui tender terbuka. Di samping itu, sasaran defisit fiskal pada 3.4% tersebut masih belum mengambil kira langkah-langkah percukaian baharu yang dapat mengimbangi pengurangan hasil kesan daripada ketidaktentuan harga pasaran minyak mentah dunia.